

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	ENAM STRATEGI MENYELURUH NRES, JAS PULIHARA SUNGAI
	SUMBER	BH (30 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

BH AHAD 30 November 2025

Nasional

# Enam strategi menyeluruh NRES, JAS pulihara sungai

**Penyelarasan semua pihak wajar dipertingkatkan demi kesejahteraan rakyat**

Oleh Wartawan BH  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan enam strategi secara menyeluruh bagi memelihara dan memulihara sungai.

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam berkata, antara usaha berkenaan ialah melaksanakan program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang bertujuan menggalakkan pembabitin aktif masyarakat dalam penjagaan alam sekitar.

Beliau berkata, ahli RAS ini

“Isu pencemaran sungai di negara ini amat penting untuk ditangani secara bersepadu dengan pembabitin Kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan”

**Johari Abdul Ghani,**  
Menteri Perladangan dan Komoditi



turut berperanan sebagai ‘mata dan telinga’ kerajaan dalam melaporkan sebarang aktiviti pencemaran serta terbabit dalam program kesedaran dan gotong-royong.

“Isu pencemaran sungai di negara ini amat penting untuk ditangani secara bersepadu dengan pembabitin Kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Kebersamaan dan penyelarasan dengan semua pihak terbabit dalam menangani isu kemerosotan kualiti air sungai perlu dipertingkatkan, demi menjamin ke-

kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengenal pasti tempat yang sering dikaitkan dengan pencemaran air supaya penguatkuasaan lebih berfokus.

Selain itu, katanya, operasi penguatkuasaan dan pemantauan bersepadu dengan agensi penguatkuasaan pada peringkat Persekutuan dan negeri seperti PBT, Pejabat Tanah dan Daerah, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Perkhidmatan Pembentukan, Jabatan Mineral dan Geosains, Badan Kawal Selia Air Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut diadakan.

“Semua kesalahan melakukan dan menyebabkan pencemaran air yang tertakluk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikenakan tindakan tegas.

“Selain itu, kita juga memberi input pembangunan kepada PBT berkaitan penempatan sesuatu aktiviti pembangunan, keperluan langkah kawalan pencemaran dan kawalan pencemaran,” katanya.

sejahteraan rakyat,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat kepada soalan Muhammad Islahuddin Abas (PN-Mersing) berkaitan kesan pencemaran Sungai Johor yang berlaku pada 31 Oktober lalu.

## Kenal pasti punca

Johari berkata, selain penubuhan RAS, lima usaha lain yang dilakukan pihaknya ialah meningkatkan penguatkuasaan terhadap punca pencemaran seperti kawalan pencemaran air serta kawalan kepada projek pembangunan yang tertakluk kepada

2.	TAJUK	MENCELA ALAM TANDA TIDAK REDA KETENTUAN PENCIPTA
	SUMBER	BH (30 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	38 (PERSPEKTIF)

# Mencela alam tanda tidak reda ketentuan Pencipta

Bukan akhlak seorang mukmin mengeluh ketika cuaca panas atau hujan

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap  
[bhagama@bh.com.my](mailto:bhagama@bh.com.my)

Setiap akhir tahun, negara lazimnya mengalami musim tengkujuh susulan kemunculan Monsun Timur Laut dan banyak kawasan dalam negara berdepan kejadian banjir.

Fenomena bencana alam ini menguji kesabaran, kemampuan dan persiapan masyarakat apabila ada yang terpaksa berpindah, kehilangan harta, malah ada yang dituji dengan kehilangan insan tersayang.

Dalam situasi seperti ini, umat Islam sering bertanya apakah banjir ini musibah atau benar-benar ujian daripada Allah?

Menjelaskan kekeliruan ini, Mufti Pulau Pinang Datuk Mohd Sukki Othman berkata, dalam Islam, apa juga bencana alam sama ada hujan lebat, banjir, kemarau, ribut dan taufan, semuanya berada dalam pengetahuan dan kekuasaan Allah.

Katanya ia sesuai dengan firman Allah SWT bermaksud: "Tiada suatu musibah pun yang menimpa melainkan dengan izin Allah". (Surah at-Taghabun, ayat 11)

"Ayat ini mengajar manusia dua perkara penting iaitu musibah tidak berlaku secara sia-sia dan tidak berlaku tanpa hikmah. Ini kerana setiap kejadian sudah pasti ada hikmahnya sama ada kita sedari atau pun tidak," katanya.

Mohd Sukki berkata, musibah pula bukan semestinya tanda Allah murka kepada manusia, sebaliknya ia turut menguji tahap keimanan mereka.

Katanya dalam banyak keadaan, ia adalah ujian bagi mengangkat darjat hambanya, menilai siapa yang sabar, siapa membantu, siapa benar-benar bergantung kepada Allah.

Dalam hadis, Nabi SAW bersabda: "Sesiapa Allah kehendaki kebaikan baginya, maka Dia akan mengujinya". (HR Bukhari)

Katanya, ujian atau musibah kadang kala datang dalam bentuk kesempatan hidup atau rezeki terhalang namun di sebaliknya ada ruang untuk meraih pahala, kekuatan jiwa dan kesedaran.

### Menyuburkan sifat ta'awun

Oleh itu katanya antara hikmah banjir dan bencana alam ialah mengingatkan manusia betapa Allah mengajar sehebat mana perancangan manusia, kita tetap bergantung kepada-Nya.

Beliau berkata, sifat ini mampu menundukkan ego dan menghidupkan rasa kehambaan manusia kepada Allah.

"Bencana alam atau banjir juga menyuburkan sifat ta'awun (tolong-menolong). Musibah membuka ruang kebaikan apabila ramai yang mengambil kesempatan membantu.

"Kita melihat masyarakat bergandeng bahu, pertubuhan bergerak aktif dan jiran membantu jiran. Dalam suasana begini, pahala mengalir deras seperti air sungai melimpah," katanya.

Mohd Sukki berkata, musibah seperti banjir juga menyucikan dosa dan mengangkat darjat manusia apabila setiap kesusahan

seperti berpindah, kehilangan harta, rasa cemas dan bimbang menjadi penghapus dosa bagi orang bersabar.

Katanya, umat Islam tidak boleh menyalahkan cuaca atau menyalahkan takdir disebabkan bencana alam berlaku sehingga meragut kebahagiaan, kehilangan dan keretakan harta benda atau nyawa.

Beliau berkata, bukan akhlak seorang mukmin apabila secara terang-terangan mengeluh ketika cuaca panas atau mengeluh kerana hujan bahkan seperti menafikan rahmat Allah.

Hal ini katanya disebabkan hujan dan panas kedua-duanya nikmat yang bumi seperti sabda Nabi SAW.

"Janganlah kamu mencela angin atau cuaca. Jika kamu melihat sesuatu yang tidak kamu sukai, maka berdoa-lah kepada Allah". (HR Tirmizi)

"Tugas kita ialah bersabar, berusaha dan jangan sekali kali merungut serta takdir bukan alasan untuk pasrah tanpa ikhtiar.

"Dalam Islam, iman dan usaha tidak pernah dipisahkan, maka sebagai umatnya, kita perlu berdepan dengan apa juga situasi berlaku tanpa merungut dengan takdir," katanya.

Beliau berkata, manusia perlu

bersedia dan berhati-hati ketika berdepan dengan sesuatu bencana selain mengikuti arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

"Dengan komunikasi semakin pantas, banyak maklumat sudah diterima lebih awal sekali gus membolehkan kita bersedia dengan lebih awal.

"Selain itu banyakkan doa ketika hujan dan musibah, antaranya doa dijauhkan mudarat serta doa memohon perlindungan daripada bencana," katanya.

Katanya, sekiranya ada dalam kalangan ahli keluarga, jiran atau rakan menjadi mangsa banjir, orang keliling perlu memberi bantuan kerana semuanya bernilai besar di sisi Allah.

"Apa yang penting, sesuatu bencana atau yang berlaku itu sebenarnya mengajak kita melihat kembali hubungan dengan Allah, memperbaiki solat,

akhlak dan rasa syukur. "Perlu diingat banjir bukan sekadar fenomena alam. Ia adalah medan ujian, ruang mendidik jiwa dan peluang meraih pahala.

"Umat Islam perlu melihat musibah melalui mata iman, bukan dengan rasa marah atau menyalahkan takdir. Kita perlu ada kesedaran segala yang berlaku berada dalam perancangan Allah," katanya.

Fenomena bencana alam ini menguji kesabaran, kemampuan dan persiapan masyarakat apabila ada yang terpaksa berpindah, kehilangan harta, malah ada yang dituji dengan kehilangan insan tersayang.



“Musibah seperti banjir juga menyucikan dosa dan mengangkat darjat manusia apabila setiap kesusahan seperti berpindah, kehilangan harta, rasa cemas dan bimbang menjadi penghapus dosa bagi orang bersabar”

Mohd Sukki Othman



3.	TAJUK	DALANG PEMBAWA SISA PLASTIK HARAM TIDAK AKAN DILEPASKAN : ELAK MALAYSIA JADI 'TAPAK PELUPUSAN' NEGARA LAIN
	SUMBER	HARIAN METRO (2 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (LOKAL)

Oleh Sri Ayu Kartika Amri, Muhaamad Hafis Nawawi dan Mahaizura Abd Malik  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan berikrar akan membanteras habis-habisan dalang yang cuba membawa masuk sisa plastik haram ke negara ini dengan memperhebatkan lagi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi berkaitan. Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam memberi jaminan, operasi penguatkuasaan akan diperhebat lagi bagi mengelakkan Malaysia dijadikan 'tapak pelupusan' negara lain.

Katanya, setiap kontena yang dikesan membawa plastik kitar semula tidak sah akan ditahan serta-merta selain dihantar pulang kepada negara penghantar.

"Masalahnya, negara penghantar ini tidak akan mengaku. Mereka menggunakan alamat negara lain, kadangkala guna nama Amerika Syarikat (AS) atau negara lain jadi apabila kita hendak pulangkan, kita tidak tahu hendak pulang ke mana."

"Mereka akan declare barang lain, tetapi dalamnya plastik haram dan yang sudah terlepas juga banyak...itu kita akan ambil tindakan."

"Jadi, kita memang sudah mula tengok satu per satu

**DALANG PEMBAWA SISA PLASTIK HARAM TIDAK AKAN DILEPASKAN**

# Elak Malaysia jadi 'tapak pelupusan' negara lain



LAPORAN Harian Metro, 27 November lalu.

iaitu mana-mana kontena yang kita tahan, kita buka dan ambil tindakan," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas laporan eksklusif Harian Metro pada Khamis lalu mengenai pendedahan sindiket penyeludupan menggunakan taktik licik dengan membuat pengiklanan palsu dalam Borang Pengiklanan Kastam bagi melepaskan pintu masuk negara.

Mengulas lanjut, Johari yang juga Menteri Perla-

dangan dan Komoditi berkata, walaupun proses itu tidak mudah kerajaan tidak akan berdiam diri dan akan memperhebatkan lagi penguatkuasaan.

"Kerajaan akan memperketatkan tindakan di peringkat tempatan termasuk membabitkan lebih banyak agensi penguatkuasaan."

"Kita minta bukan sahaja Jabatan Alam Sekitar (JAS), tetapi juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa

tempat (PBT) yang terbabit.

"Ini kerana PBT yang keluaran lesen (kepada syarikat pemrosesan), apabila kita dapat tangkap kontena, tetapi tidak tahu hendak pulang (mana), kita tangkap forwarder pula," katanya.

Menurut Johari, ejen forwarder yang menguruskan penghantaran kontena wajib mengenal pasti pelanggan mereka dan kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan besar.

"Kita antara mereka

(forwarder) ini, sudah pasti mereka kenal pelanggan mereka, kalau tidak dapat jawab kita terus tarik lesen," katanya.

Ditanya sama ada undang-undang baharu diperlukan, Ahli Parlimen Ti-tiwangsa itu menjelaskan, kerangka perundangan sedia ada sudah mencukupi.

"Akta kita sudah terlalu banyak. Apa yang penting sekarang adalah enforcement (penguatkuasaan) kita perhebatkan," katanya.

Mengulas cadangan supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masuk campur dalam membanteras isu berkenaan, Johari berkata, perkara itu bergantung kepada elemen kesalahannya.

"Isu utama ini lebih kepada bidang kuasa PDRM dan kastam namun, jika ada unsur rasuah, kita rujuk kepada SPRM."

"Contohnya kalau kontena yang tidak patut lepas tetapi tiba-tiba boleh lepas (masuk dalam negara)."

"Sebenarnya pasukan khas antara agensi sudah wujud, namun usaha membanteras penyeludupan sisa plastik memerlukan penyelidikan jitu kerana wujud

cubaan menyembunyikan barangan terlarang itu menggunakan deklarasi palsu," katanya.

Pendedahan Harian Metro merungki modus operandi penyeludup menggunakan deklarasi palsu bagi membolehkan sisa plastik tercemar atau tidak diproses diisytiharkan sebagai barangan lain, sekali gus mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan.

Bagaimanapun, helah pengimport menyeludup masuk sisa plastik ke negara ini terbongkar apabila JKDM mengagalkan 50 cubaan penyeludupan sejak 2023 hingga 30 Jun lalu membabitkan hampir dua juta kilogram (kg) sisa plastik dengan nilai melebihi RM5.57 juta.

Kebanyakan kes dikesan menggunakan pengiklanan tidak tepat serta manipulasi kod barangan bagi mengelakkan pemeriksaan terperinci.

Susulan pendedahan itu, Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengesyorkan SPRM mengetuai satu pasukan khas bagi membanteras isu berkenaan.

4.	TAJUK	EMPAT TAPAK LUPUS SISA PERTANIAN HARAM DILUPUS
	SUMBER	BH (3 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (NASIONAL)

## Empat tapak lupus sisa pertanian haram dihapus

**Cameron Highlands:** Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands membersihkan empat tapak pelupusan sisa pertanian haram dalam kawasan hutan simpan kekal di daerah ini menerusi 'Ops Cuci', semalam.

Tindakan berkenaan diambil selaras titah Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah pada mesyuarat Transformation Taskforce Cameron Highlands sebelum ini untuk membanteras aktiviti membuang sampah dalam hutan simpan kekal.

Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands, Nasrul Akmal Amaludin, berkata Ops cuci selama lima hari membabitkan tapak pelupusan sisa pertanian dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Bertam, Hutan Simpan Sungai Terla, Hutan Simpan Mensun dan Hutan Simpan Sungai Ichat.

Katanya, sisa pertanian seperti botol racun, plastik,



*Kakitangan PHD Cameron Highlands memungut sampah dan sisa pertanian dalam Ops Cuci di Hutan Simpan Kekal Terla, semalam.*  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

kotak dan sayuran dipercayai dibuang pengusaha kebun secara berterusan di kawasan terbabit sehingga mengundang pencemaran air sungai berhampiran tempat terbabit.

"Kami menggunakan

jengkaut dan lori bagi memindahkan sisa pertanian berkenaan. Kesukaran dihadapi untuk mengumpul sampah yang terdapat di kawasan cerun bukit yang curam," katanya, di sini semalam.

5.	TAJUK	OPERASI BERSIH SISA DI EMPAT HUTAN
	SUMBER	HARIAN METRO (3 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@harianmetro.com.my

SELARAS TITAH TENGGU MAHKOTA PAHANG

Cameron Highlands

# Operasi bersih sisa di empat hutan simpan

Empat tapak pelupusan sisa pertanian baruan di empat kawasan hutan simpan kekal di daerah ini dibersihkan menerusi Ops Cuci, semalam.

Tindakan itu diambil selaras titah Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah pada mesyuarat *Transformation Taskforce Cameron Highlands* sebelum ini untuk membanteras aktiviti membuang sampah dalam hutan simpan kekal selain mengembalikan sungai kepada keadaan asal.

Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands, Nasrul Akmal Amaludin berkata, Ops cuci selama lima hari itu membabitkan tapak pelupusan sisa pertanian dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Bertam, Hutan Simpan Sungai Terla, Hutan Simpan Mensun dan Hutan Simpan Sungai Ichat.

"Kita terpaksa menggunakan jenkaut dan lori bagi memindahkan sisa pertanian yang terdapat di hutan simpan berkenaan.

"Ada juga kes sisa pertanian dibuang dibakar, sekali gas mengundang kejadian kebakaran hutan yang sukar untuk dipadamkan," katanya ditemui pada Ops Cuci yang kali pertama diadakan, semalam.

Nasrul Akmal berkata, sisa pertanian seperti botol racun, plastik, kotak dan sayuran dipercayai dibuang pengusaha kebun secara berterusan di kawasan terbahit sehingga mengundang pencemaran air sungai berhampiran.

Katanya, pihaknya memandang serius kegiatan



KAKITANGAN Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands memindahkan pelbagai sampah dan sisa pertanian yang dibuang dalam Hutan Simpan Sungai Terla melalui Ops Cuci. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

tidak bertanggungjawab membuang sisa pertanian dalam hutan simpan kekal Ogos lalu apabila tiga lelaki termasuk dua warga asing ditahan bersama kenderaan pacuan empat roda kerana melupuskan sisa pertanian dalam kawasan Hutan Simpan Sungai Terla di Kuala Terla, di sini.

Beliau berkata, lebih 30 kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) membabitkan anggota Unit Penguatkuasaan (Zon Pahang Barat), Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang, Majlis Daerah Cameron Highlands dan SW Co-

rp terbahit dalam operasi itu.

Nasrul Akmal berkata, individu yang ditahan membuang sampah dalam hutan simpan kekal boleh didakwa mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984 kerana memasuki hutan simpan tanpa kebenaran dan Seksyen 83 atas

kesalahan membuang sampah di dalam hutan simpan kekal.

"Unit Tindakan Khas PHD Cameron Highlands akan terus melakukan rondaan secara berjadual siang dan malam untuk mengesan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang pelbagai jenis sam-

pah berkenaan.

"Saya juga berharap mendapat kerjasama masyarakat setempat untuk melaporkan kepada PHD Cameron Highlands sekiranya melihat pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah dalam hutan simpan kekal," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**